

SUMBER HALAL : KEWAJIPAN ATAU PILIHAN

KONVENSYEN ISU SEMASA HALAL & EKONOMI MUSLIM

24 DISEMBER 2019



5-STAR WORLD CLASS TECHNOLOGICAL UNIVERSITY

Mencari Yang Halal Adalah Suatu Kewajipan

- Kehidupan kita hari ini yang dihidangkan dengan pelbagai barang makanan, minuman dan barang gunaan menuntut kita berwaspada dan berhati-hati dalam mengguna barangan tersebut kerana masalah **halal dan selamat**.
- Justeru itu, kewajipan menggunakan makanan dan barangan halal lagi baik amat penting dalam kehidupan kita seharian

Allah SWT menjelaskan berhubung perkara ini di dalam surah **al-Baqarah ayat 168**

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ
 الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: " *Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang **halal lagi baik**; dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. "*

PERTUNJUK DAN KAEDAH BERAMAL DENGAN AYAT

AL-BAQARAH 168.

1. PERINTAH DARI ALLAH SWT KEPADA MANUSIA HENDAKLAH MAKAN/ MINUM DARI SUMBER DUNIA (TANAMAN/BINATANG/ALAMSEKITAR)
2. MAKAN DAN MINUM MESTI DARI SUMBER YANG HALAL DAN BAIK
3. PERINTAH DARI ALLAH SWT AGAR TIDAK TERGODA BISIKAN SYAITAN YANG SENTIASA INGIN MEMASTIKAN ANAK ADAM MAKANAN DAN MINUM DARI SUMBER HARAM
4. SYAITAN ADALAH MUSUH MANUSIA YANG NYATA

HALALAN TOIYIBAN

- *Halal suatu makanan dan minuman* itu ada berkaitan dengan **sumbernya**, cara pemprosesan, premis atau tempatnya. Jika ia berkaitan **dengan haiwan**, ia hendaklah disembelih mengikut ketentuan Syarak.
- *Manakala haram suatu makanan dan minuman itu*, bergantung kepada **sumber dan bahannya**, cara pemprosesannya dan keadaan premisnya.
- **Misalnya** makanan dan minuman yang diproses menggunakan/mengandungi bahan-bahan haram seperti lemak atau daging babi, anjing dan haiwan lain yang tidak disembelih mengikut syarak, darah, arak, najis, racun dan sebagainya

TUNTUTAN SUMBER HALAL

- Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *“Mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap orang Islam”*. (HR Ibnu Abdil-Barr)
- Umat Islam dituntut supaya **mencari yang halal**. Mencari yang halal itu adalah wajib.
- Maknanya umat Islam disuruh mencari kalau ia makanan dan minuman carilah yang benar-benar **halal lagi baik, yakni suci, bersih dan berkhasiat**.
- Begitu juga untuk mencari dan memilih restoran, kedai makan dan gerai makan carilah dan pilihlah yang benar-benar dijamin halalnya, bersih, kemas dan menyenangkan selera

KEJUJURAN & KEIKHLASAN

- Teramat penting **pengusahanya** dipastikan adalah orang Islam. *Termasuk tukang masak, pembantunya dan penting juga mereka mempunyai sifat-sifat jujur, amanah dan taqwa.*
- Sebagaimana kisah di zaman **Khalifah Umar Al-Khattab RA** bila seorang “**Ghulam**” pengembala kambing digoda/uji supaya menjual kambingnya, kerana tuan atau taukenya tidak tahu kalau pun dia menjual kambing yang dijaganya itu, tetapi pengembala yang berhati bersih, jujur, mulia dan taqwa itu menjawab: Tidak! sebab Ada Allah Yang Maha Melihat dan Maha Tahu.

AMANAH NATIJAHNYA TAQWA

- Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *“Semua daging yang tumbuh dari harta yang haram, maka api neraka adalah lebih utama menyiksanya”*. (HR al-Tirmizi)
- Nilai seorang pengembala yang *beramanah, tulus dan bertaqwa itu*, jika ada pada para pengusaha restoran, peniaga, tukang sembelih, tukang masak, pekerja, pembantu dan seluruh umat Islam dan manusia. *(pengalaman pengusaha halal)*
- Pasti tidak akan timbul lagi penggunaan sijil dan logo halal yang palsu atau telah tamat tempoh oleh kalangan penguasa dan peniaga yang tidak beretika dan bertanggungjawab

AMARAN RASULULLAH SAW

- Rasulullah SAW amat kasih kepada umatnya supaya kita tidak disiksa oleh api neraka. Mudah-mudahan sikap kewaspadaan umat Islam terhadap *halal haram ini akan menyelamatkan kita, anak isteri, ahli keluarga dan umat Islam seluruhnya dari siksaan api neraka. – “Hadith tanda kematian baik”*
- Hidup kita lebih sihat, bersih dan sejahtera. Jika badan sihat, akal dan jiwa akan sihat. Jika jasmani dan rohani kita sihat akan mudahlah kita melaksanakan ibadah dan pengabdian kita kepada Allah SWT. Jika seluruh umat Islam melaksanakan perintah ibadah dan pengabdiannya kepada Allah SWT pasti akan aman, makmur dan damai alam ini, insya Allah.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan isu halal ini, beberapa faktor perlu diambil perhatian, iaitu:

- **Pertama** : Bidang pengeluaran makanan dan barang gunaan serta perkhidmatan semakin maju. Di kalangan pengeluar berlumba-lumba mengeluarkan barangan dan perkhidmatan masing-masing dengan pelbagai kaedah yang menarik untuk tujuan pemasaran. Hakikatnya ramai di kalangan kita hanya mengetahui sebahagian sahaja daripada status halal, suci serta baik barang-barang makanan atau perkhidmatan yang dijual dipasaran.
- Masih banyak barangan makanan dan gunaan serta perkhidmatan di pasaran yang kita tidak tahu status halalnya.

- **Sebagai contoh** berleluasanya ubat-ubatan yang dikaitkan dengan kekuatan tenaga batin dan rawatan kecantikan yang dijual dikedai-kedai kaki lima.
- *Begitu juga* kempen-kempen perniagaan cepat kaya yang beroperasi melalui internet dan kaedah-kaedah biasa. Semuanya ini menuntut kita agar berhati-hati dari terjerumus kepada yang haram dan membahayakan diri.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan isu halal ini, beberapa faktor perlu diambil perhatian, iaitu:

- **Kedua** : Kebanyakan kita umat Islam menjadi masyarakat pengguna bukan menjadi masyarakat pengeluar. Inilah satu cabaran besar kepada kita dalam menghadapi isu makanan dan barang-barang gunaan.
- Oleh itu, menjadi fardhu kifayah kepada umat Islam menghasil dan mengeluarkan bahan makanan dan gunaan serta perkhidmatan untuk kegunaan harian kerana ini akan lebih menjamin kehalalan dan kesuciannya.

- Di samping berperanan memperkasa ekonomi umat Islam itu sendiri dan sekaligus **mengelak pergantungan** kepada masyarakat lain.
- Sesungguhnya inilah tanggungjawab fardhu kifayah yang perlu diperjuangkan secara bersepadu, berterusan dan bersungguh-sungguh

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan isu halal ini, beberapa faktor perlu diambil perhatian, iaitu:

- **Ketiga** : Pentingnya kesedaran tentang isu halal ini ialah kerana ia mempengaruhi tingkah laku kita.
- Kita bimbang jika makanan yang dimakan dan seterusnya bertukar menjadi darah daging adalah dari sumber yang syubhah atau pun dari sumber yang haram akan menjadikan kita manusia yang keras hati, malas beribadah, sukar menerima kebenaran, sukakan maksiat dan sebagainya.
- Maka kesudahannya akan menerima padah azab seksa daripada Allah SWT.

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan sebuah hadith Rasulullah yang menjelaskan hal ini:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ
النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ
وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرَعِي حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ أَلَا وَإِنَّ
لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مُحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا
صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

(رواية البخاري ومسلم)

KETERANGAN HADITH

- Maksudnya: " *Sesungguhnya yang halal itu terang (jelas), dan yang haram itu terang, dan di antara keduanya pula terdapat perkara-perkara yang syubhah (yang tidak terang halal atau haramnya) yang tidak diketahui oleh manusia. Orang yang memelihara dirinya daripada perkara syubhah itu adalah seperti orang yang **melindungi agama dan kehormatannya dirinya**.*
- *Orang yang tergelincir ke dalam perkara syubhah akan masuk ia ke dalam perkara yang haram laksana seorang pengembala dipinggir sebuah tempat larangan, yang akhirnya lalai dan masuk ia ke dalam tempat larangan itu.*
- *Adapun bagi setiap raja ada sebuah kawasan larangan dan tempat larang Allah itu adalah segala yang diharamkan. Ketahuilah pada setiap jasad itu seketul daging jika ia baik, baiklah seluruh jasad itu dan sekiranya ia rosak maka rosaklah seluruh jasad itu. **Itulah hati.**"*

CONTOH SYUBHAH

1. Makanan dan minuman daripada luar negara (walaupun daripada negara Islam) yang tidak ada pegesahan tanda halal oleh negara tersebut atau daripada JAKIM.
2. Makan dan minum di hotel, restoren, cafeteria atau kopitiam yang tidak ada kelulusan JAKIM, kelulusan halal daripada luar negara boleh dipertikaikan sebab tidak ada siapa yang boleh mengesahkan dan pantau kehalalannya.
3. Makanan dan minuman yang dikeluarkan oleh syarikat bukan muslim yang tidak ada kelulusan halal oleh JAKIM atau Jabatan Agama negeri-negeri.

4. Menerima hadiah atau hamper oleh kakitangan kerajaan (yang menguruskan tender atau pembekalan barang-barang) daripada syarikat-syarikat pemborong yang ada kepentingan perniagaan. Di khawatiri ada unsur-unsur rasuah.

5. Apa sahaja samaada pekerjaan, makanan, minuman, perkhidmatan yang mana di situ ada keraguan dan boleh menimbulkan fitnah atau kesangsian ianya boleh dikategorikan sebagai perkara syubahah.

6. Melabur di dalam pelaburan internet yang tidak jelas skimnya dan menyerupai skim cepat kaya. Tidak ada perjanjian dan muamalah yang jelas mengikut sistem Islam.

7. Membeli, menjual, membuat dan menghisab rokok. Sesetengah ulama mengatakan ia haram (dengan huraian yang terkini) manakala yang lain mengatakan makruh. Jabatan Fatwa Perak sebulat suara mengatakan rokok itu haram di sokong oleh Jabatan Agama Islam di Selangor. Walaupun majlis fatwa negeri-negeri tidak 100% mengatakan ia haram, bukankah perbuatan ini syubhat dan menurut hadis di atas dan boleh terjerumus ke dalam perkara yang haram

8. Membeli lembu, kambing atau ayam daripada tuan binatang ternak yang tidak menjaga binatang belaan mereka. Binatang tersebut dilepaskan dengan bebas. Kita kawatir binatang tersebut telah memakan tanaman orang lain dan tuannya membiarkannya saja.

Demi menjamin makanan, minuman dan barang-barang guna yang kita gunakan halal, suci dan selamat, terdapat beberapa **langkah** yang perlu dijadikan panduan bersama iaitu:

- Marilah kita insafi betapa besarnya tuntutan syarak dalam memelihara halal dan haram.
- Kita wajib memastikan makanan, minuman, ubat-ubatan dan barang-barang guna mempunyai logo halal yang sah.
- Memastikan program-program dihotel adalah hotel yang memiliki sijil halal.
- Memastikan makan minum hanya direstoran-restoran milik umat Islam.
- Tidak melibatkan diri dalam sebarang perniagaan yang mengandungi unsur gharar (tipu) dan riba.

KESIMPULANNYA:

- **MEMASTIKAN SUMBER YANG HALAL ADALAH SUATU YANG WAJIB**

Thank You



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



Institute of Postgraduate Studies

SOARING
UPWARDS

MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

